

# Penjenayah siber kaut RM5.2 bilion

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Dalam tempoh dua tahun, sebanyak 52,296 kes penipuan *online* dengan jumlah kerugian mencecah RM5.2 bilion direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Daripada jumlah itu, sebanyak 28,508 kes dengan nilai kerugian RM2.4 bilion dilaporkan tahun lalu manakala RM2.8 bilion bagi tahun 2018 dengan jumlah kes 23,788.

Kerugian ini membabitkan kes penipuan e-dagang, pelaburan, Macau Scam, Afrika Scam dan pinjaman tidak wujud.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah

Sani berkata, kes penipuan *online* mencatatkan kerugian yang banyak susulan sistem perbankan dan bayaran secara *online* digunakan secara meluas pada masa kini.

Katanya, daripada jumlah kes yang dilaporkan bagi tahun 2019 dan 2018 sebanyak 31,643 *mule* akaun (keldai akaun) dikesan.

“Bagi mengelakkan orang ramai menjadi mangsa penipuan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM mengambil inisiatif membangunkan aplikasi mudah alih Semak Mule untuk membolehkan masyarakat semak akaun bank dan nombor telefon yang mempunyai rekod jenayah secara sah.”

“Aplikasi Semak Mule dapat menolong masyarakat untuk

lebih berhati-hati terhadap jenayah siber yang berleluasa ketika ini,” katanya selepas merasmikan Majlis Seminar Pengukuhan Siasatan Jenayah Komersial di Maktab Polis Diraja Malaysia di Cheras di sini semalam.

Pada majlis itu, PDRM turut melancarkan portal dan aplikasi Semak Mule.

Acryl Sani memberitahu, mangsa penipuan *online* termasuk kes pembelian dalam talian diminta tampil membuat laporan walaupun jumlah kerugian ratusan ringgit.

Dalam perkembangan sama, Acryl Sani turut mengingatkan orang ramai sentiasa berhati-hati dengan modus operandi penjenayah-penjenayah siber.



ACRYL Sani Abdullah Sani (dua dari kiri) merasmikan aplikasi 'Semak Mule' yang boleh digunakan orang ramai untuk menyemak akaun bank *scammer* dalam majlis pelancaran aplikasi tersebut di Maktab PDRM, Cheras, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI